

18 AUG 2001

Mahathir-lawat/I

DR MAHATHIR TINJAU BANDAR BERSEJARAH UNTUK AKHIRI LAWATAN KE YEMEN

Oleh: Abdul Muin Abdul Majid

SANA'A, 18 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengakhiri lawatan empat harinya ke Yemen dengan mengunjungi kota raya lama bersejarah Sana'a.

Perdana Menteri yang diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali meninjau sekitar pekan yang menjual pelbagai barangan, daripada pisau tradisi yang menjadi kebanggaan lelaki Yemen sehingga rempah ratus dan juga pakaian wanita.

Ramai penduduk Yemen berkumpul di pintu masuk ke kota lama itu dan bertepuk tangan melihat kedatangan Dr Mahathir dalam lawatan singkatnya ke situ.

Malahan, tiba-tiba saja seorang pemilik kedai menghadiahkan replika satu daripada kawasan bersejarah yang terkenal di Yemen kepada Dr Siti Hasmah, yang kelihatan begitu gembira.

Dr Mahathir dan isteri juga melawat Pusat Seni Negara dan Perpustakaan Manuskrip yang terletak di kawasan itu.

Kota raya lama itu mengandungi banyak taman, masjid, kawasan terbuka dan rumah lama yang dibuat dengan batu berwarna gelap yang disusun begitu rapi.

Unesco telah menyenaraikan kawasan itu sebagai satu warisan dunia.

Sejak tiba Rabu lepas, Dr Mahathir mempunyai atur cara yang padat.

Selain mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri Yemen Abdul Kader Ba Jammal dan mengunjungi Presiden Ali Abdullah Salleh di Sana'a, beliau juga telah melawat pelabuhan Aden dan menemui pelajar Malaysia di Seiyun dalam wilayah Hadhramout.

Sempena lawatan itu, dua memorandum persefahaman telah ditandatangani -- satu bagi penubuhan Majlis Bersama Malaysia-Yemen dan satu lagi mengenai latihan kepada kakitangan awam.

Dr Mahathir juga menemui dan berdialog dengan Majlis Syura Yemen, sebuah badan penasihat kepada kerajaan dan dianggotai ulama, cerdik pandai dan tokoh perniagaan.

-- BERNAMA

MAM MAI